



26 APR, 2022

Naik taraf Pasar Tamu Kunak siap sepenuhnya

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Naik taraf Pasar Tamu Kunak siap sepenuhnya

Ibrahim Tabir

KUNAK: Projek menaiktaraf Pasar Tamu Kunak oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dapat disiapkan mengikut jadual.

Bangunan terbuka dan berbumbung dengan dilengkapi kemudahan lampu dan kipas siling itu memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung, berbanding sebelum ini.

Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kunak (MDKNK) Mohd Nazri Pintal berkata, penyerahan bangunan itu daripada Fama kepada Majlis Daerah Kunak diadakan

pada Isnin.

"Hadir sama dalam penyerahan itu termasuk wakil daripada Fama, Pegawai Daerah, Awang Mohd Yusoff, Timbalan Pengerusi MDKNK, Khalid Harun, beberapa ahli majlis dan agensi kerajaan yang lain", katanya kepada Harian Ekspres.

Projek naik taraf Pasar Tamu Kunak bermula pada Mei 2021 dan siap sepenuhnya 24 Mac lepas.

Nazri berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan Ahli-ahli Majlis selepas Hari Raya Aidilfitri bagi membincangkan pengisian, pengurusan

dan pengoperasian bangunan itu.

"Jawatankuasa majlis akan memutuskan bila tarikh pengoperasian bangunan baharu itu selepas Hari Raya nanti," katanya.

Pasar Tamu Kunak adalah antara empat pasar tamu di Sabah yang dinaik taraf oleh Fama menerusi Rancangan Malaysia ke-12 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Daerah lain yang turut mendapat peruntukan naik taraf Pasar Tamu ialah Keningau, Kudat dan Beluran.



26 APR, 2022

Naik taraf Pasar Tamu Kunak siap sepenuhnya

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUNAK: Projek menaiktaraf Pasar Tamil Kunak oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dapat disiapkan mengikut jachial. Bangunan terbuka dan berbumbung dengan dilengkapi kemudahan lampu dan kipas siling itu memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung, berbanding sebelum ini. Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Kunak (MDKNK) Mohd Nazri Pinlal berkata, penyerahan bangunan itu daripada I ama kepada Majlis Daerah Kunak diadakan

pada Isnin.